

Konvensyen Fiqh Perubatan 2012

Pembedahan Kosmetik.

Anjuran:

Hospital Sultanah Bahiyah

Alor Setar, Kedah.

**Pada:
20 Sep 2012.**

Catatan Al-Faqir llallah



Dr. Abdul Basit Hj Abd Rahman

www.abuanasmadani.com

Pensyarah di Jabatan Syariah,

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan (KIAS).

Musyrif Pondok Sungai Durian, Kelantan.



الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين،
نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، وبعد:

Pendahuluan

Dunia hari ini telah berkembang pesat dengan seribu satu kemodenan dan kecanggihan sehingga hampir segala kehendak dan keinginan manusia di dunia ini dapat dipenuhi. Sebagaimana telah dimaklumi setiap sesuatu itu pasti mempunyai dua sisinya, positif dan negatif, kebaikan dan keburukan, manfaat dan mudarat, kelebihan dan kekurangan, hitam dan putihnya.

Alhamdulillah, Allah swt yang Maha Bijaksana telah menganugerahkan kepada hamba-hamba-Nya akal pemikiran yang telah membawa ketamaddunan dan kemajuan kepada dunia perubatan yang telah banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia sejagat.

Allah ﷺ mengizinkan umat manusia untuk menikmati apa yang baik di dunia ini. Dicatatkan di dalam al-Quran:

﴿ هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلْلًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَلَا يُكُوْنُ مِنْ زِرْقَمٍ وَإِلَيْهِ الْنُّشُورُ ﴾

Ertinya: {Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, Maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki-Nya. Dan hanya kepada-Nya-lah kamu (kembali setelah) dibangkitkan.} [Al-Mulk: 15]

Kita dapat melihat dunia perubatan terutamanya telah mencapai kepada satu tahap yang tidak terjangkau oleh akal manusia pada kira-kira 50 tahun dahulu. Kemajuan dunia perubatan hari ini telah banyak memberi manfaat kepada kehidupan manusia sejagat. Banyak penemuan baru telah dicapai di dalam kaedah rawatan melalui pelbagai cara dan peralatan yang canggih. Ia dianggap sebagai satu pencapaian yang gemilang dan bukti kebijaksaan manusia.

Kemajuan dan pencapaian ini merupakan satu cabaran kepada perundungan Islam, para ulama' dan mujtahid harus melihat fenomena ini dengan penuh kepekaan dan rasa tanggungjawab. Alhamdulilah setakat ini ramai yang telah tampil dan membuat kajian dan rujukan untuk menjawab pelbagai persoalan yang dikemukakan oleh masyarakat berkenaan hukum dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Sejak akhir-akhir ini, banyak masalah moden yang timbul dalam lapangan perubatan yang memerlukan pendapat dari segi fiqh untuk menjelaskan kedudukannya, seperti pembedahan kecantikan atau PEMBEDAHAN KOSMETIK. Mengikut tajuk kertas kerja ini, ana akan membawa dan memilih beberapa perbincangan sebagai garis panduan kepada beberapa isu-isu perubatan moden masa kini dengan pengkhususan tentang PEMBEDAHAN.

Para ulama' dahulu telah membahaskan tajuk ini secara umum dan khusus mengikut keskes yang timbul pada zaman mereka, walaupun tidaklah banyak seperti perkara yang berlaku pada zaman kita hari ini, kemudian ulama' mutakhir pula telah menyambung ijtihad dan mengeluarkan fatwa mengikut keperluan semasa (*nawazil*).

Imam Muhammad bin Idris Asy-Syafie rhm telah menjelaskan kepentingan ilmu *AT-TIB* (perubatan) dengan katanya:

"Aku tidak tahu suatu ilmu yang sangat penting selepas ilmu halal dan haram selain ilmu at-tibb". [Ahkam al-Jirahah, ms: 76]

وصلى الله على حبيبنا محمد وعلى آله وصحبه وسلم،
وآخر دعوانا أن الحمد لله رب العالمين.

PEMBEDAHAH MENURUT FIQH ISLAM

Hukum Pembedahan: Pembedahan adalah dibolehkan berdasarkan Al-Quran, As-Sunnah, Ijma' dan Akal dengan syarat-syarat dan keperluan yang diperlukan oleh manusia. [lihat: Ahkam al-Jirahah ms; 80 dan seterusnya]

Di antara Syarat Pembedahan Yang Dibolehkan dibenarkan oleh syara' adalah seperti berikut:

- a) Pembedahan yang diperlukan oleh si pesakit.
- b) Si pesakit atau penjaganya memberi keizinan untuk melakukan pembedahan tersebut.
- c) Orang yang merawat mempunyai kelayakan untuk melakukan pembedahan yang dijalankannya itu.
- d) Orang yang merawat berkeyakinan atau mempunyai sangkaan yang kuat mampu mencapai matlamat pembedahan yang dilakukannya itu.
- e) Tidak terdapat alternatif lain yang kurang berisiko dari pembedahan yang dilakukan itu.
- f) Pembedahan tersebut boleh membawa kemaslahatan kepada pesakit.
- g) Pembedahan itu tidak membawa sebarang kemudharatan.
- h) Tujuan pembedahan itu mestilah tujuan yang diharuskan oleh Syara'.

Berdasarkan syarat-syarat di atas, maka jelaslah kepada kita sesuatu pembedahan itu adakalanya dibolehkan dan adakalanya tidak dibolehkan. Hukum tersebut tertakluk kepada sejauh mana pembedahan itu memenuhi syarat-syarat yang disebut di atas.

Jenis Pembedahan:

Pembedahan dari segi keharusan atau sebaliknya terbahagi kepada dua jenis iaitu pembedahan harus dan pembedahan haram.

PERTAMA - PEMBEDAHAH YANG HARUS:

Iaitu pembedahan yang dibenarkan oleh Syara', antaranya ialah:

(a) Pembedahan Bagi Kes Yang Kritikal: Pembedahan jenis ini adalah wajib hukumnya. Orang yang merawat pula dianggap sama dengan orang yang menyelamatkan nyawa orang lain.

Contohnya seperti pembedahan untuk mengeluarkan peluru yang berada di dalam badan si pesakit.

(b) Pembedahan Untuk Menghilangkan Kecacatan:

Pembedahan ini bertujuan menghilangkan kecacatan yang menyulitkan adalah dibolehkan. Kecacatan yang dimaksudkan di sini ialah setiap kecacatan yang boleh menyusahkan dan menjatuhkan kewibawaan seseorang atau nilai diri seseorang. Ini kerana pembedahan tersebut mempunyai maslahat yang diakui oleh syara'. Contoh pembedahan jenis ini ialah memotong jari lebih yang menyukarkan pergerakan tangan.

(c) Pembedahan Untuk Menghilangkan Penyakit. Pembedahan ini terbahagi kepada dua keadaan iaitu:

- 1) Pembedahan Penyakit Yang Sedang Dialami. Pembedahan ini dibolehkan kerana wujudnya kesulitan kepada si pesakit.
- 2) Pembedahan Bertujuan Menghindar Penyakit Yang Dijangka Akan Berlaku. Pembedahan ini dibolehkan dengan syarat diyakini atau dengan sangkaan yang kuat bahawa penyakit tersebut akan berlaku. Tetapi jika sebaliknya, maka tidak boleh dilakukan pembedahan jenis ini.

(d) Pembedahan Bersalin.

Pembedahan untuk melahirkan anak mestilah dilihat dari segi keperluan. Jika sekiranya pembedahan terpaksa dilakukan sekiranya kalau tidak dilakukan pembedahan membawa kepada kematian ibu atau janin, maka pembedahan ini wajib dilakukan.

Jika sekiranya pembedahan yang hendak dilakukan dengan tujuan untuk menghindar kesulitan semasa bersalin, maka dalam hal ini pihak yang terlibat perlu memastikan tiada sebarang kesan sampingan yang boleh membawa kemudharatan kepada si pesakit.

(e) Pembedahan Berkhatan

Berkhatan menurut fiqh ialah memotong kulit kemaluan yang menutupi *hasyafah* bagi lelaki dan memotong sedikit dari daging kelentit bahagian paling atas bagi kaum wanita. Secara umumnya berkhatan adalah dibolehkan di dalam Islam.

Pembedahan berkhatan adalah dibolehkan kerana tidak akan terlaksana proses berkhatan melainkan melalui pembedahan.

(f) Pembedahan Mayat

Di antara isu yang sering kita dengar ialah isu pembedahan mayat. Perkara ini tidak dapat dielakkan dalam keadaan tertentu. Para fuqaha' silam telah membincangkan isu berkenaan dengan masalah ini secara sepantas lalu. Sebagai contoh perbincangan para fuqaha' silam berkenaan hal ini ialah;

Apabila terdapat janin yang masih hidup di dalam perut ibunya yang sudah meninggal dunia, maka wajib dibedah perut ibu untuk menyelamatkan janin tersebut.

(g) Pembedahan Mayat Untuk Mengetahui Punca Penyakit.

Pembedahan jenis ini terbahagi kepada dua keadaan:

(1) Pembedahan Bertujuan Mempelajari Hal-Hal Rawatan.

Termasuk dalam jenis ini ialah pembedahan mayat bertujuan untuk mempelajari selok belok pembedahan dan yang berkaitan dengannya. Pembedahan ini menjadi khilaf di kalangan para fuqaha'. Sebahagian fuqaha' tidak membolehkan dan sebahagian lagi membolehkannya.

Terdapat pendapat yang mengharuskan pembedahan bentuk ini dengan syarat-syarat berikut:

(a) Tiada cara lain untuk mengetahui punca penyakit atau seumpamanya melainkan melalui pembedahan mayat manusia.

(b) Mayat yang dibedah hendaklah mayat orang bukan Islam. Jika menghadapi kesukaran, maka bolehlah dibedah mayat orang Islam.

(c) Pembedahan yang dilakukan hendaklah sekadar apa yang diperlukan sahaja.

(2) Pembedahan Untuk Mengetahui Punca Kematian (Bedah-siasat)

Apabila berlaku sesuatu kematian kepada seseorang yang disyaki ada mengandungi unsur-unsur jenayah di dalamnya, maka bolehlah dilakukan pembedahan ke atas mayat tersebut. Bagi masalah ini, para fuqaha' telah merumuskan bahawa jika terdapat tanda-tanda perbuatan khianat yang membawa kepada kematian si mati, maka bolehlah dilakukan pembedahan jenis ini, tetapi ia haruslah memenuhi syarat-syarat di atas sebagaimana yang telah saya sebutkan sebelum ini dan setelah mendapat keizinan dari keluarga si mati.

Fatwa Kebangsaan:

(Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-61 yang bersidang pada 27 Januari 2004 telah membincangkan mengenai Hukum Bedah Siasat Ke Atas Mayat Yang Bukan Dikategorikan Kematian Kerana Kes Jenayah. Muzakarah telah memutuskan bahawa: "Hukum asal pembedahan mayat adalah haram tetapi dibolehkan sekiranya dalam keadaan dharurat dan terdapat keperluan yang mendesak seperti membuat

kajian terhadap penyakit, mengenalpasti punca kematian dan penyelidikan serta pendidikan khususnya dalam bidang perubatan".) [<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-bedah-siasat-ke atas-mayat-yang-bukan-dikategorikan-kematian-kerana-kes-jenay>].

Lihat Penjelasan di: [<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pembedahan-mayat-di-hospital-dan-wang-pampasan-0>].

(h) Pembedahan Untuk Memastikan Status Jantina.

Berkenaan dengan masalah ini, Syeikh Najib Al Mut'i berkata sering kali kita terbaca mengenai lelaki yang bertukar menjadi wanita dan wanita menjadi lelaki. Sebenarnya apa yang berlaku bukannya pertukaran jantina, tetapi kecaburan dalam menentukan jantina. Terdapat bayi yang disangka perempuan kerana keadaan alat kelaminnya. Tetapi hakikatnya ia seorang lelaki yang kemaluannya tidak zahir di luar. Akibat dari keadaan itu, doktor perlu membuat rawatan untuk menarik keluar kemaluan yang tersembunyi tersebut. Hukum pembedahan ini adalah wajib.

Ringkasnya pembedahan yang dimaksudkan oleh Syeikh Najib itu ialah pembedahan **untuk menzahirkan jantina yang sebenar bukannya menukar jantina.**

(i) Hukum Pembedahan Kembar Siam.

Isu ini tidak banyak diperkatakan oleh para fuqaha' secara langsung. Mengikut kajian, hanya Dr Najjar Zaghlul sahaja yang telah mengeluarkan pendapatnya berkenaan hukum pembedahan bagi kembar siam. Menurut beliau, kembar siam sama hukumnya dengan manusia normal. Oleh itu tidak harus dipisah kembar siam melainkan apabila wujudnya syarat-syarat harus pembedahan seperti yang telah dinyatakan di dalam kertas kerja ini.

KEDUA - PEMBEDAHAN YANG HARAM.

Pembedahan Yang Haram ialah sesuatu pembedahan dengan tujuan yang tidak dibenarkan atau operasi yang dilakukan tanpa keperluan dan manfaat, bertujuan mengubah kejadian Allah tanpa alasan yang dibenarkan syara'. ISLAM melarang keras sebarang pengubahan ciptaan asal bahagian tubuh seseorang yang dilakukan dengan alasan untuk kelihatan cantik atau lebih cantik selain bertujuan kosmetik. Pembedahan yang dikatakan haram ini biasanya akan dikaitkan dengan pembedahan plastik atau kosmetik. Memang ia adalah haram sekiranya bertujuan untuk kecantikan semata-mata, tetapi tidak semua pembedahan plastik atau kosmetik ini termasuk di dalam kategori pembedahan yang haram.

*Tujuan yang tidak dibenarkan adalah untuk kelihatan lebih cantik dari apa yang dianugerahkan, pembedahan mendatangkan lebih bahaya dan memudaratkan.

PEMBEDAHAH KOSMETIK

Kita akan fokuskan kepada tajuk **Pembedahan Kosmetik**. Apakah yang dimaksudkan dengan pembedahan kosmetik ini? Benarkah ia adalah suatu perbuatan yang haram disisi Syara' secara keseluruhannya? Pembedahan kosmetik atau lebih dikenali sebagai **pembedahan plastik** mula dikenali pada pertengahan era perubatan moden.

Pembedahan plastik ini telah melalui satu peringkat perkembangan yang amat menakjubkan. Hal ini membawa kepada meningkatnya nisbah kejayaan pembedahan plastik yang dilakukan oleh doktor-doktor pakar ini di negara-negara maju sejak kebelakangan ini. Perkembangan di dalam bidang perubatan ini juga membawa kepada keinginan manusia itu sendiri untuk melakukan pembedahan plastik yang lain seperti mengecilkan lubang hidung, dagu, telinga, membesarkan atau mengecilkan bibir dan lain-lain lagi.

Sebenarnya istilah pembedahan plastik ini berasal daripada perkataan Yunani iaitu "plastikos" yang bermaksud acuan atau membentuk. Tetapi istilah tersebut bukanlah maksud yang sebenar yang digunakan oleh para doktor pada masa kini. Maksud yang sebenar bagi pembedahan plastik ini seperti yang telah dinyatakan di atas iaitu mengembalikan rupa bentuk asal manusia atau menambahkan kecantikan luaran manusia bagi memperolehi rupa atau anggota yang diingini.

Secara logiknya, pembedahan plastik ini merupakan satu lagi isu yang amat penting dan berbahaya yang melanda umat manusia khususnya bagi **golongan muda-mudi dan orang yang tak mahu menerima hakikat diri sudah tua**.

Isu ini sebenarnya telah wujud sejak zaman dahulu lagi yang mana golongan Cina dan Hindu telah melakukan amalan bertindak di hidung dan telinga sejak tahun 700 Masihi lagi.

Dalam bahasa Arab disebut *Jirahah At-Tajmil* - memperbaiki penampilan satu anggota tubuh yang nampak, atau untuk memperbaiki fungsinya, ketika anggota tubuh itu berkurang, hilang/lepas atau rosak. (*Al-Mausu'ah at-Thibbiyah al-Haditsah*, 3/454).

Di dalam Syariat Islam pula, isu ini sudah timbul pada awal Islam lagi, yang mana Rasulullah SAW sendiri telah melakukan beberapa perkara yang berkaitan dengan isu kecantikan ini seperti mewarnakan rambut dan sebagainya sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Abu Hurairah R.A katanya:

عَنْ أُبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((عَيْرُوا الشَّيْبَ وَلَا تَشَبَّهُو بِالْيَهُودِ وَلَا بِالنَّصَارَى)).

Maksudnya: Rasulullah SAW telah bersabda: "*Ubahlah rambut uban dan jangan menyamai kaum Yahudi dan Nasrani.*"

Pembedahan Kosmetik ini juga merangkumi dua keadaan:

Seperti yang yang telah dibincangkan di atas, pembedahan kosmetik juga boleh menjadi sesuatu yang diharuskan, bahkan satu keperluan, atau ia juga boleh menjadi sesuatu yang haram.

PERTAMA: Pembedahan Yang Diharuskan. Pembedahan Plastik & Membalik-pulih (Plastic & Reconstructive Surgery).

Antaranya ialah:

1) Merawat keaiban Sebab:

a- Kecederaan Penyakit Kecacatan kongenital (sejak lahir). Bertujuan untuk memperbaiki cacat sejak lahir (*al-'uyub al-khalqiyah*) seperti bibir sumbing, jari jemari bercantum dan sebagainya.

b- Atau cacat yang datang kemudian (*al-'uyub al-thari`ah*). Iaitu akibat kemalangan, kebakaran atau seumpamanya, seperti wajah yang rosak akibat kebakaran/kemalangan.

Dalilnya: Sabda Nabi SAW

عَنْ أُبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا نَزَّلَ لَهُ شَفَاءً)).

Maksudnya: "*Tidaklah Allah menurunkan suatu penyakit, kecuali Allah menurunkan pula ubatnya.*" [HR Bukhari, no.5246].

2) Membalik pulih kecacatan yang mendatang (yang diperolehi) akibat daripada kebakaran, kemalangan, penyakit dan sebagainya.

Contoh: pemindahan kulit (skin transplant) dan penempelannya, penanaman rambut (hair transplant) khusus bagi wanita kerana masalah rambut gugur. Menghilangkan kehodohan yang mengakibatkan jiwa dan jasmani seseorang itu menderita.

3) Untuk merawat pemandangan luaran manusia yang disebabkan keaiban atau kecacatan semulajadi yang berlaku atau disebabkan oleh faktor luaran seperti kemalangan dan kebakaran.

4) Merawat keaiban atau kecacatan semulajadi yang menyebabkan timbulnya rasa sakit pada tubuh badan pesakit atau jiwanya. Tujuan: Memperbaiki kecacatan semulajadi atau kemalangan yang memberi kesan pada tubuh manusia yang menyebabkan hilangnya nilai atau kepentingannya pada watak peribadi dan dalam masyarakat.

5) Pembedahan membentuk semula yang dilakukan ke atas bahagian tubuh yang tidak normal, untuk mendapatkan bentuk yang normal dan membetulkan fungsinya.

Iaitu harus sekiranya untuk mengembalikan bentuk anggota tubuh badan kepada keadaan sebagaimana manusia dijadikan. (Mengembalikan fungsi asal anggota tubuh badan).

Firman Allah SWT, yang bermaksud: *{Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).}* [At-Tin: 4]

Selain itu, antara perkara lain lagi yang berlaku ialah mengimplan (menanam) benda lain sebagai ganti kepada anggota asal sepertimana yang berlaku pada zaman Rasulullah SAW:

Daripada Abd Rahman bin Tarafah, maksudnya: *"Sesungguhnya kulit hidung Arfajah bin As'ad telah terpotong pada hari peperangan Kulab pada zaman Jahiliyyah, maka dia menggantikan hidungnya yang rompong itu dengan perak lalu berbau busuk, lalu Nabi Rasullullah SAW memerintahkan agar digantikannya dengan emas."* [HR Abu Daud dan at-Tirmizi].

HUKUM:

Secara dasarnya, kebanyakan daripada para penyelidik dan ahli-ahli Fiqh kontemporari tidak melihat pembedahan plastik ini sebagai suatu yang dilarang sekiranya bertujuan untuk merawat keaiban atau kecacatan yang dialami oleh para pesakit. Keaiban dan kecacatan ini boleh membawa kepada gangguan mental pesakit tersebut sekiranya tidak dijalankan pembedahan plastik ini. Secara logiknya, gangguan mental ini lebih teruk jika dibandingkan dengan kesakitan pada anggota badan.

Sebuah Hadis yang diriwayatkan oleh Usamah bin Syarik yang bermaksudnya: Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda:

(تَدَاوُلًا فِي أَنَّ اللَّهَ لَمْ يَضْعِفْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ دَوَاءً عَيْرَ دَاءٍ وَاحِدٌ الْهَرَمُ)

"Wahai hamba-hamba Allah sekalian, berubatlah kamu sesungguhnya Allah SWT tidak menjadikan sesuatu penyakit itu melainkan dijadikannya ubat kecuali penyakit tua." [HR Imam Ahmad].

Namun, sebahagian kecil daripada ahli-ahli Fiqh berpendapat haram dilakukan pembedahan plastik ini kerana ianya menolak ketentuan dan takdir Allah dan pembedahan plastik ini juga mengubah ciptaan Allah SWT dan perkara ini merupakan amalan syaitan sepertimana potongan ayat Al-Quran yang bermaksud:

{وَلَا أَضِلَّنَّهُمْ وَلَا مُنَيِّنَهُمْ وَلَا مُرْنَهُمْ فَلَيَعْلَمُنَّ خُلُقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذُ الشَّيْطَانَ وَلَيَأْتِيَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ أَنَا مُبِينٌ} [النساء: ١٩]

Maksudnya:...Dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah.] [Surah An-Nisa': 119]

Sebuah lagi Hadis:

عَنْ أَسْمَاءَ بْنِتِ أَبِي بَكْرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: أَنَّ امْرَأَةً جَاءَتْ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ: إِنِّي أَنْكَحْتُ ابْنِي تَمَّ أَصَابَهَا شَكُورٌ فَتَمَرَّقَ رَأْسُهَا وَرَوْجُهَا يَسْتَحْثِي بِهَا، أَفَأَصِيلُ رَأْسَهَا، ((فَسَبَّ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ))

Maksudnya: Daripada Asma' sesungguhnya seorang perempuan datang kepada Nabi lalu berkata: Aku ada seorang anak perempuan yang baru melangsungkan perkahwinan, dia telah jatuh sakit lalu rambutnya telah gugur. Adakah boleh bagiku untuk menyambungkan rambutnya itu dengan benda lain (dengan diberi cemara dan sebagainya)? Lalu Nabi SAW

berkata: "Allah SWT melaknat orang yang menyambung rambut dan orang-orang yang meminta untuk menyambung rambut." [HR Bukhari dan Muslim].

KEDUA: Pembedahan yang haram adalah sebagaimana yang berikut:

Pembedahan kosmetik yang dilakukan dengan tujuan untuk menambahkan kecantikan atau mengubah kulit wajah supaya kelihatan lebih muda seperti menegangkan kulit wajah yang sudah berkedut, memancungkan hidung yang kemek dan sebagainya. Ianya dilakukan untuk menambahkan kecantikan luaran manusia berdasarkan kehendak nafsu semata-mata seperti membesarkan atau mengecilkan buah dada, menegangkan kulit dan sebagainya.

Ia hanya untuk memenuhi keinginan hawa nafsu, memenuhi kepuasan seks, ingin leihat lebih muda dan cantik, serta ingin menarik perhatian orang lain. Mencantikkan pemandangan lahir atau luaran (phenomena) untuk menjadi lebih menarik melalui pembedahan kosmetik (Cosmetic Surgery).

HUKUM:

Hukum bagi pembedahan seperti ini adalah haram dan berdosa besar kerana ia telah ditegaskan oleh Nabi S.A.W secara jelas di dalam hadis baginda yang diriwayatkan oleh Ibn Mas'ud:

((لَعْنَ اللَّهِ الْوَاشِمَاتِ وَالْمُوْتَشِمَاتِ وَالْمُنْتَمَصَاتِ وَالْمُنَفَّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُعَيَّرَاتِ خَلْقُ اللَّهِ))

Maksudnya: "Allah SWT melaknat orang-orang yang membuat tatu dan yang meminta untuk dibuat tatu, dan orang-orang yang menipiskan bulu kening dan orang-orang yang meminta untuk dinipiskan bulu kening, dan orang-orang yang merenggangkan gigi untuk tujuan kecantikan yang mana perkara ini mengubah ciptaan Allah." [HR: Al-Bukhari]

Termasuk di bawah pengertian pembedahan ini ialah antaranya:

- 1-Pembedahan hidung yang bertujuan untuk memancungkan atau menghaluskannya.
- 2-Menghaluskan dagu jika dagunya agak lebar.
- 3-Membesarkan buah dada atau sebaliknya.
- 4-Menghilangkan kedut perut dengan menyahkan lemak-lemak di sekeliling.
- 5-Menghilangkan kedut muka.
- 6-Membuang lemak-lemak di punggung.
- 7-Menghilangkan kulit yang kecut di lengan.
- 8-Menipiskan bulu kening dan seumpamanya.

Untuk melihat perbezaan di antara dua tujuan pembedahan kosmetik yang boleh menjadikannya harus atau halal, kita lihat contohnya, pembedahan hidung:

a- **Pembedahan hidung jenis pertama:** Menukar sebahagian atau kesemua hidung yang hilang disebabkan kemalangan. Harus menurut Syara' kerana bertujuan menghilangkan kecacatan yang terdapat terdapat pada diri seseorang. Kecacatan tersebut memberi rasa sakit pada tubuh dan jiwa.

Syaratnya pula hanya menggunakan bahan-bahan dari sumber galian (logam), tulang haiwan yang suci atau daging pesakit itu sendiri.

Begitu juga jika hidung sempit dan sukar untuk pernafasan – hukum meluaskannya adalah diharuskan berlandaskan keperluan dan kemaslahatan.

b- **Pembedahan jenis kedua:** Mencantikkan hidung yang telah sempurna pada kejadian asalnya namun dilihat ianya tidak menarik. Tujuan: Menambahkan lagi kecantikan (panjang, lebar, tinggi, melengkung kepada lurus dan sebagainya). Niat untuk mengubahnya untuk kesesuaian dengan bentuk muka. Kesan: Hidung menjadi kemek dan bertaut, sakit pada bahagian yang dibedah, juga telah berlaku pembaziran.

Hukumnya haram kerana sebab-sebab berikut: Mengubah ciptaan Allah s.w.t dan tidak menerima ciptaan asal-Nya. Wujud unsur penipuan dan pembohongan, memberi kesan sampingan yang negatif dan hanya menurut hawa nafsu.

Antara isu lain yang sering menjadi persoalan dan termasuk dalam rawatan kosmetik yang diharamkan ialah:

Hukum Botox, Susuk dan 'Braces'

Isu BOTOX telah dibincangkan dan difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa (JKF) Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Muzakarah mereka kali ke-74 bermula pada 25 hingga 27 Julai 2006 telah **memutuskan bahawa suntikan Botulinum Toxin Type A atau nama komersialnya Botox adalah haram digunakan kerana ia didapati mengandungi bahan-bahan yang meragukan dan bersifat najis.**

Bagaimanapun, ada pihak yang cuba untuk mempertikaikan keputusan itu dengan mengatakan bahawa bahan yang digunakan untuk menghasilkan botox hanya protein, malah bukan protein daripada binatang yang diharamkan, tetapi mungkin namanya melambangkan seolah-olah ia daripada sesuatu yang kotor. Pihak ini juga cuba mendakwa, dari segi kesihatan, penggunaan botox tidak memudaratkan jika ia dilakukan pihak yang bertauliah dan menggunakan teknik suntikan yang betul. Cuma pihak ini tidak menolak kemungkinan ia akan menimbulkan kesan sampingan jika digunakan berlebihan tanpa pemantauan atau diselia pihak bertauliah. Adalah diakui oleh para pakar bahawa Botox digunakan untuk memperbaiki keadaan muka saja supaya pengguna rasa lebih selesa, bukan untuk mengubah menjadi orang lain.

Bagaimanapun jika ia dilakukan dengan tujuan perubatan akibat kemalangan dan kecacatan, ianya adalah harus dilakukan. Jelasnya, tujuan yang dibenarkan adalah bagi memperbaiki organ tubuh yang rosak akibat trauma kemalangan selain untuk mengembalikan kecacatan kepada kejadian tubuh manusia normal.

*Botox atau pembedahan plastik yang dibenarkan ialah jika tidak dilakukan akan mendatangkan mudarat kesihatan kepada individu, mengembalikan kecacatan kepada bentuk kejadian manusia normal. Manakala susuk tidak dibenarkan sama sekali.

Dalil yang mengharamkan pembedahan plastik untuk tujuan selain kesihatan adalah berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:

{Apa yang mereka sembah selain daripada Allah itu tidak lain hanya berhala dan mereka tidak menyembah melainkan syaitan yang durhaka, yang dilaknat Allah dan yang mengatakan: 'Demi sesungguhnya aku akan mengambil daripada kalangan hamba-Mu, bahagian tertentu (untuk menjadi pengikutku). Dan demi sesungguhnya aku akan menyesatkan mereka (daripada kebenaran) dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang ternak) lalu mereka membela telinga binatang itu dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah.'} [An-Nisa': 117-119].

Terdapat berbagai takrifan tentang 'mengubah fitrah kejadian, sebagai contoh terdapat juga hadis yang menyebut :

"Allah swt melaknat perempuan yang mentatu dan minta ditatu, dan yang mengikir gigi dan yang minta dikikir giginya." [HR: Al-Bukhari]

Tatu, iaitu memberi tanda pada muka dan kedua tangan dengan warna biru/hitam, termasuk dalam perbuatan-perbuatan yang buruk.

Pengharamannya Menjadi semakin kuat apabila ia dilakukan dengan menyiksa dan menyakiti badan, iaitu dengan menusuk-nusukkan jarum pada badan orang yang ditatu itu.

Semua ini menyebabkan laksana, baik terhadap yang membuat itu ataupun orang yang minta ditutup.

SUSUK & SIHIR

Adapun pemakaian susuk, ia dianggap lebih berat kerana ia biasanya melibatkan ilmu sihir. Susuk juga dipakai di tempat tertentu seperti muka, badan, malah kemaluan dan jika ada yang mendakwa menggunakan ayat al-Quran, semakin jelas bertentangan dengan Islam. Melihat kepada apa yang didakwa (menggunakan ayat al-Quran), ia sama seperti bomoh melakukan jampi tetapi mendakwa menggunakan ayat al-Quran.

Tentang pembelajaran ilmu sihir, al-Quran mengatakan:

{ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا يَضْرُبُهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ }

Maksudnya: {Mereka belajar suatu ilmu yang membahayakan diri mereka sendiri dan tidak bermanfaat buat mereka.} [Al-Baqarah: 102].

Rasulullah s.a.w. menilai sihir sebagai salah satu daripada dosa besar yang boleh menghancurkan sesuatu bangsa, dan dapat merendahkan darjat pelakunya di dunia ini lagi. Justeru itu Baginda telah bersabda:

"Jauhilah tujuh perkara besar yang merosak. Para sahabat bertanya: Apakah tujuh perkara itu, ya Rasulullah? Jawab Nabi, iaitu: 1) menyekutukan Allah; 2) sihir; 3) membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali kerana hak; 4) makan harta riba; 5) makan harta anak yatim, 6) lari dari perperangan; 7) menuduh perempuan-perempuan baik, terjaga dan beriman." [HR Bukhari dan Muslim].

KIKIR GIGI DAN 'BRACES'

Telah disebut mengikir gigi dalam hadis di atas, iaitu merapikan dan memendekkan gigi. Biasanya dilakukan oleh perempuan. Kerana itu Rasulullah melaksana perempuan-perempuan yang mengerjakan perbuatan ini (tukang kikir) dan yang meminta supaya dikikir. Kalau ada lelaki yang berbuat demikian, maka dia akan lebih berhak mendapat laksana.

Termasuk diharamkan seperti perbuatan mengikir gigi, iaitu menjarangkan gigi. Dalam hal ini Rasulullah pernah melaksana, iaitu seperti tersebut dalam hadisnya:

"Dilaksana perempuan-perempuan yang menjarangkan giginya supaya menjadi cantik, yang mengubah ciptaan Allah." [HR Bukhari dan Muslim].

Ia disebut 'al-Falaj', iaitu meletakkan sesuatu di sela-sela gigi, supaya nampak agak sedikit jarang. Di antara perempuan memang ada yang oleh Allah dicipta demikian, tetapi ada juga yang tidak begitu. Kemudian dia meletakkan sesuatu di sela-sela gigi yang berhimpitan itu, supaya giginya menjadi jarang. Perbuatan ini dianggap mengaburi mata orang lain dan berlebih-lebihan dalam berhias yang sama sekali bertentangan dengan ruh Islam yang sebenarnya.

Perlu diingat, perbuatan menjarangkan gigi ini adalah 'trend' Jahiliyah di zaman Jahiliyah dan ia dianggap cantik. Adapun pada hari ini, kebanyakannya sudah menukar 'style' mereka kepada merapatkan gigi menggunakan 'braces' (Dental braces - Wikipedia, the free encyclopedia) yang bertujuan MENCANTIKKAN susunan gigi.

Ketika itu, hukum haram yang sama jatuh pada perbuatan merapatkan gigi bagi tujuan kecantikan. Adapun jika ia dilakukan bagi individu yang mengalami kemalangan dan bertujuan mengubatnya, ia menjadi harus.

Dari hadis-hadis yang telah kita sebutkan di atas, maka kita dapat mengetahui tentang hukum pembedahan kecantikan seperti yang terkenal sekarang, kerana bagi memenuhi selera nafsu dan syahwat, iaitu kebudayaan Barat yang amat materialistik, sehingga begitu ramai

perempuan dan lelaki yang mengorbankan wangnya beribu-ribu untuk mengubah bentuk hidung, payudara atau yang lain. Semua ini termasuk yang dilaknat Allah dan Rasul-Nya, kerana di dalamnya terkandung penyiksaan dan perubahan bentuk ciptaan Allah tanpa ada suatu sebab yang mengharuskannya untuk berbuat demikian, melainkan hanya untuk pemborosan dalam hal-hal yang bersifat 'show' dan lebih mengutamakan pada bentuk, bukan inti, lebih mementingkan jasmani daripada rohani.

Ia juga kerana mengandungi unsur penipuan yang diharamkan Islam. Syariat turut mengharamkan perubahan yang memiliki unsur-unsur penipuan sama ada menerusi pembedahan plastik atau penggunaan produk kosmetik botox yang menukar wajah yang tua kepada muda.

Tujuan Syariah dalam hal larangan penipuan seperti ini boleh difahami dengan jelas dari hadis Nabi SAW:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ: أُتِيَ بِأَيِّ فُحَافَةٍ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ وَرَأَسُهُ وَلِحِينُهُ كَالْتَغَامِةِ بَيْاضًا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((عَيْرُوا هَذَا بِشَيْءٍ وَاجْتَنِبُوا السَّوَادَ)).

Maksudnya: "Tukarlah ia (warna rambut, janggut & misai yang putih beruban) dan jauhilah dari warna hitam." (HR Muslim)

Hadis ini menunjukkan kepada larangan penipuan umur, ini kerana uban yang dihitamkan bertujuan kelihatan lebih muda, tetapi disuruh mewarnakan uban dengan inai yang menjadikannya merah atau perang..

Justeru, tidak kira dari kalangan lelaki mahupun perempuan, ia dilarang oleh Islam. Hal ini samalah seperti botox yang biasanya digunakan oleh wanita atau lelaki yang kulitnya sudah kelihatan tanda ketuaan, bagi mengekalkan rupa mudanya, maka mereka melakukan botox dan lebih teruk lagi susuk.

Jika botox itu menggunakan bahan suci sekalipun, ia tetap haram kerana dua 'illah' (sebab utama) pengharaman masih ada.

Bagaimanapun Syeikh Dr Yusof Al-Qaradawi menyebut: "Adapun kalau ternyata orang tersebut mempunyai cacat yang kiranya menjijikkan pandangan, misalnya kerana ada daging tambah yang boleh menimbulkan sakit jiwa dan perasaan, maka ketika itu adalah tidak berdosa orang untuk berubat selagi dengan tujuan menghilangkan kecacatan atau kesakitan yang boleh mengancam hidupnya. Kerana Allah tidak menjadikan agama buat kita ini dengan penuh kesukaran" (*Al-Halal wal Haram Fil Islam*).

LIPOSUCTION (SEDUT LEMAK).

Membuang lemak daripada badan melalui kaedah sedutan.

Mempunyai RISIKO DAN KESAN yang amat buruk dan memudharatkan, seperti:

- 1) Bengkak dan kebas pada bahagian lemak yang disedut. Parut akan timbul pada bahagian pembedahan. Kulit pada bahagian lemak yang dibuang akan menjadi longgar selamanya. Saraf pada bahagian tersebut juga akan rosak. Kulit menjadi tidak sekata (berlaku pertukaran warna kulit) .
- 2) Penyedutan dalam kuantiti yang banyak Berlaku kejutan kerana kehilangan darah dan bendalir badan yang banyak Semasa pembedahan, lemak atau darah beku pula akan bergerak ke bahagian paru-paru salur darah ke paru-paru akan tersumbat boleh mengundang kematian secara mengejut Berlaku pengumpulan air di dalam peparu.

KESIMPULANNYA

*Botox atau apa-apa pembedahan plastik yang dibenarkan ialah jika tidak dilakukan akan mendatangkan mudarat kesihatan kepada individu, mengembalikan kecacatan kepada bentuk kejadian manusia normal. Manakala susuk tidak dibenarkan sama sekali.

*Tujuan semua contoh yang dibawa dan yang seumpamanya yang tidak dibenarkan adalah untuk kelihatan lebih cantik dari apa yang dianugerahkan, pembedahan mendatangkan lebih bahaya dan memudaratkan.

***Syarat pembedahan kosmetik dibenarkan Islam:** memiliki keperluan tidak bercanggah Syariat untuk melakukan pembedahan; untuk tujuan kesihatan semata-mata dan tiada niat lain; mesti diakui doktor Islam dan pakar dalam bidang itu; doktor yakin pembedahan boleh berjaya dilakukan tanpa risiko bahaya dan mudarat; mendapat persetujuan pesakit dan wali.

***Peraturan umum kecantikan Islam:** tidak mengubah ciptaan Allah; tidak memudaratkan diri seperti kesakitan pada tubuh atau bertambah beban kewangan; tiada unsur penipuan atau untuk membanggakan diri; tidak membazir; tiada unsur najis; tidak menyerupai jantina berlainan; tidak menyerupai orang kafir dan fasik; wanita hanya berhias untuk suami dan mahramnya saja; mengikut syarat pembedahan kosmetik dibenarkan Islam.

SYARAT PEMBEDAHAN KOSMETIK DIBENARKAN ISLAM:

Jika mengikut syarat, pembedahan kosmetik dibenarkan Islam dan merupakan satu maslahat yang diperakui oleh Syara'. Tiada rawatan lain selain daripada pembedahan plastik. Tidak akan membawa kepada kemudaratkan yang mengatasi maslahat yang di harapkan. Mendapat persetujuan pesakit dan wali. Untuk tujuan kesihatan semata dan tiada niat lain.

Memiliki keperluan tidak bercanggah Syariat untuk melakukan pembedahan. Doktor yakin pembedahan boleh berjaya dilakukan tanpa risiko bahaya dan mudarat Mesti diakui doktor Islam dan pakar dalam bidang itu Doktor hendaklah melakukan pemantauan selepas pembedahan

Peraturan umum kecantikan Islam:

Tidak mengubah ciptaan Allah, tidak memudaratkan diri seperti kesakitan pada tubuh atau bertambah beban kewangan, tiada unsur penipuan atau untuk membanggakan diri. Tidak membazir, tiada unsur najis, tidak menyerupai jantina berlainan, juga tidak menyerupai orang kafir dan fasik. Wanita hanya berhias untuk suami dan mahramnya saja.

AKHIRNYA:

Hasil perbincangan para ulama' dalam masalah ini dapatlah disimpulkan bahawa;

Pembedahan plastik yang bertujuan bagi pembentukan semula adalah di haruskan, manakala pembedahan plastik yang bertujuan semata-mata untuk mengubah kejadian asal bagi tujuan kecantikan adalah haram dan hukumnya berdosa.

Jadi isu ini sebenarnya tidak memerlukan kepada kajian yang mendalam dari segi Fiqh untuk menyelesaikan masalah ini. Yang penting adalah dapat membezakan tujuan dilakukan pembedahan ini sama ada tujuannya untuk sia-sia atau kesejahteraan ataupun suatu perkara keperluan atau kemudharatan.

Sesungguhnya hukum Syara' itu mendatangkan kesenangan bagi umat manusia dalam meniti perjalanan hidup sehari-hari seperti Firman Allah SWT:

{يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ}

Maksudnya: {Sesungguhnya Allah mendatangkan kesenangan kepada umat manusia dan bukan mendatangkan kesusahan kepada mereka.} [Surah Al-Baqarah: 185].

WALLAHU A'LAM.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى حَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَآخِرُ دُعَائِنَا أَنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Sumber RUJUKAN;

- 1-<http://www.papisma.org/nota/fekah/isu.pdf>
- 2-http://www.papisma.org/nota/alhikmahbil2_4.pdf
- 3-http://elmustasyar.blogspot.com/2012/02/hukum-melakukan-pembedahan-kosmetik_17.html
- 4-<http://halaqah.net/v10/index.php?topic=1814.0>
- 5-<http://www.saaid.net/Doat/Zugail/36.htm>


6- Ahkam al-Jirahah al-Tibbiyyah wa al-Aathar Al-Mutarattibah 'Alaiha. oleh Shaikhuna Dr. Muhammad bin Muhammad Al-Mukhtar Al-Syanqithi. Maktabah Al-Siddiq, Taif Cetakan 1: 1413H, 1993M.

7- Ahkam Jirahah At-Tajmil. Oleh: Dr. Muhammad Osman Shabir.
<http://www.almeshkat.net/books/open.php?book=1593&cat=32>

8- Pembedahan Kosmetik: Menurut Perspektif Islam. Oleh: Ustaz Ahmad Dahlan bin Salleh. Penerbit: Darul Syakir Enterprise, Bangi. Oktober 2002.

Akhukum,
Abdul Basit Bin HJ. Abdul Rahman
www.abuanasmadani.com
Pondok Sg Durian, KK.
10 Rabi' al-Awwal 1432H / 13 Feb 2011.

Design;



www.dartaibah.com